

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LIM KIT SIANG [GELANG PATAH]

TARIKH : 10 JUN 2014

SOALAN :

Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah] minta PERDANA MENTERI menyatakan jumlah peruntukan yang telah disalurkan kepada PERKASA dan ISMA sejak penubuhan kedua-dua badan ini, sama ada kepada badan induk atau cawangan mereka masing-masing.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Jabatan Perdana Menteri tiada menyediakan peruntukan khusus kepada pertubuhan NGO iaitu Pertubuhan Pribumi Perkasa Malaysia (PERKASA). Walau bagaimanapun sebanyak RM42,500.00 telah disalurkan untuk membantu badan tersebut mengadakan seminar '*Transformasi Ekonomi Antara Kaum Dan Bangsa Teras Sebagai Asas Perpaduan Rakyat*' yang telah dihadiri dan memberi manfaat kepada 5,000 peserta.

Tiada peruntukan disediakan kepada Ikatan Muslimin Malaysia (ISMA). Berdasarkan Perlembagaan Pertubuhan ISMA, pertubuhan tersebut menjana pendapatannya melalui yuran kemasukan, yuran ahli, kutipan dana, derma dan lain-lain aktiviti yang dijalankan.

Sekian. Terima kasih.